

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]
TARIKH : 27.03.2018 (SELASA)

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapakah Kedai Rakyat 1 Malaysia yang sudah ada dibuka semula dan berapa lagi yang akan dibuka semula. Berapa kos untuk Kementerian berbuat demikian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga Mac 2018, sebanyak 52 buah outlet KR1M 2.0 telah beroperasi dan Kerajaan berhasrat untuk membuka 1,000 cawangan KR1M 2.0 menjelang 2020 di seluruh negara termasuk di kawasan-kawasan luar bandar.

Secara umumnya pelaksanaan KR1M 2.0 dilaksanakan melalui kerjasama strategik dengan syarikat runcit yang berkaliber dan berkeupayaan seperti TMG, KK Super Mart atau entiti peruncitan lain yang berwibawa **tanpa bantuan kewangan dari pihak Kerajaan** dan pihak tersebut akan menjadi *anchor* (tunjang) kepada kedai atau outlet KR1M 2.0 yang lain. Ini bagi memastikan kelangsungan perniagaan dan bekalan produk KR1M 2.0 yang konsisten.

SOALAN : 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN IR. SHAHARUDDIN B. ISMAIL
(KANGAR)**

TARIKH : 27 MAC 2018

RUJUKAN : 10612

SOALAN :

PR-1361-L05178

Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah Kerajaan melihat perkembangan semasa kehidupan para warden dan pegawai penjara yang turut terkurung serta lebih terdedah kepada ancaman seperti banduan mengalami pelbagai penyakit sehinggakan terdapat sebilangan mereka mengalami masalah kesihatan seperti menghidap batuk kering, masalah mental dan juga Hepatitis B.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Jabatan Penjara Malaysia sentiasa memberikan perhatian dan tindakan yang serius terhadap aspek kesihatan sama ada ia melibatkan penghuni ataupun pegawai penjara. Langkah saringan, kawalan, pencegahan dan rawatan secara berterusan giat dilakukan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.

Jabatan Penjara Malaysia juga telah mengambil beberapa langkah dalam mengawal jangkitan penyakit berjangkit terutamanya *tuberculosis* atau batuk kering. Antaranya ialah saringan *symptomatic* dilaksanakan terhadap semua banduan yang baru masuk ke penjara dan ini dilakukan berdasarkan 'Garis Panduan Saringan *Tuberculosis*'. Manakala, pegawai penjara yang menghidap *tuberculosis* juga akan menjalani rawatan susulan sehingga sembuh seperti mana prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Bagi pegawai dan kakitangan penjara yang menghidap penyakit lain seperti Hepatitis B, Jabatan Penjara Malaysia dari semasa ke semasa melaksanakan pendidikan kesihatan serta kaedah kawalan dan pencegahan penyakit kepada kakitangan dan menggalakkan mereka menjalani pemeriksaan kesihatan.